

**NO. SOALAN : 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGGAM ]**

**TARIKH : 15 MAC 2017 (RABU)**

**SOALAN : 27**

YB Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rumah PRIMA yang telah dibina dan sedang dibina sehingga kini (pecahan mengikut kategori umur dan jantina), pencapaian dan komitmen (gerak cara) Kerajaan dalam memastikan setiap rakyat Malaysia mampu memiliki rumah sendiri.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga kini, Anggota Perbadanan PR1MA (Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 263,366 unit kediaman yang terdiri daripada pelbagai projek di seluruh negara. Jumlah ini dijangka akan meningkat mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang sentiasa bersidang dari semasa ke semasa.

Pada masa ini sebanyak 131,489 unit kediaman sedang berada dalam pembinaan di semua negeri seluruh Malaysia. Selain itu, sebanyak 8,475 unit kediaman PR1MA telah disiapkan iaitu di Presint 11 di Putrajaya, Alam Damai di Kuala Lumpur, Taman Nusantara dan Bandar Layangkasa di Johor, Bagan Serai, Bandar Meru Raya, Kamunting dan Sungai Siput di Perak, Kuala Ketil serta Sungai Petani 1 dan 2 di Kedah. Manakala projek-projek lain sedang berada dalam pelbagai fasa perancangan.

Kediaman yang disediakan PR1MA adalah disasarkan khusus kepada golongan berpendapatan sederhana yang menepati syarat kelayakan. Dalam urusan ini, pemohon mestilah warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dan ke atas sama ada berstatus bujang atau berkahwin. Selain itu, pemohon juga mestilah berpendapatan isi rumah individu atau keluarga antara RM2,500 – RM15,000 sebulan dan tidak mempunyai lebih daripada satu hartaanah (rumah).

Setakat ini, Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA telah menerima sebanyak 1.4 juta pemohon berdaftar di seluruh negara. Secara keseluruhannya, majoriti pemohon iaitu sebanyak 73% berumur antara 21-35 tahun manakala jumlah selebihnya adalah berumur 36 tahun dan ke atas. Bilangan pemohon ini dijangka akan meningkat apabila lebih banyak projek PR1MA dilancarkan dan dibuka kepada pemohon.

Berkenaan gerak kerja dalam meningkatkan pemilikan rumah, satu skim khas telah disediakan khusus untuk pembeli kediaman PR1MA. Skim terbaru ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pembeli mendapat akses yang lebih baik dan jumlah pinjaman yang lebih tinggi nilainya. Skim ini dikenali sebagai **Skim Pembiayaan Fleksibel (SPEF)**. Skim tersebut merupakan hasil kerjasama antara Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan 4 institusi kewangan iaitu Maybank, CIMB Bank, RHB Bank dan AmBank.

Melalui SPEF, pembeli yang layak boleh membayar ansuran bulanan pinjaman rumah yang lebih rendah daripada pinjaman biasa. Insyallah dengan pelaksanaan SPEF akan mengalakkan lagi jualan kediaman PR1MA dan meningkatkan pemilikan rumah di kalangan golongan sasaran.

Sekian. Terima kasih.